

**MAJLIS DAERAH MUAR UTARA  
TANGKAK**

**UNDANG-UNDANG KECIL SPA (MDT) 2021**





NEGERI JOHOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65  
No. 12

10hb Jun 2021

TAMBAHAN No. 12  
PERUNDANGAN

J. P.U. 26.

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL SPA  
(MAJLIS DAERAH TANGKAK) 2021

### SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

#### BAHAGIAN I PERMULAAN

#### Undang-Undang Kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

#### BAHAGIAN II PELESENAN

3. Permohonan lesen
4. Dokumen atau maklumat tambahan
5. Pemberian atau keengganan memberikan lesen
6. Fi lesen
7. Tempoh sah lesen
8. Bentuk lesen
9. Syarat lesen

10. Pematuhan syarat lesen
11. Penggantungan dan pembatalan lesen
12. Tarikh kuat kuasa pembatalan lesen
13. Penyerahan balik lesen
14. Pembaharuan lesen
15. Kesan pembatalan, penyerahan balik dan gagal membaharui lesen
16. Lesen tidak boleh dipindahmilik
17. Daftar lesen
18. Penggantian lesen
19. Mengendalikan spa tanpa lesen adalah dilarang

### BAHAGIAN III

#### KEWAJIPAN DAN OBLIGASI PEMEGANG LESEN

20. Larangan
21. Penyenggaraan
22. Bekalan air
23. Tandas, bilik basuh, bilik air, *dsb.*
24. Bilik rawatan
25. Keselamatan
26. Manual rawatan
27. Kebersihan peralatan
28. Tuala dan fabrik bersih
29. Pencerayaan dan pengudaraan
30. Pencegahan kebakaran
31. Bahan mudah terbakar
32. Penyimpanan
33. Bahan pembakaran dan sampah
34. Penyebaran habuk, *dsb.*
35. Bising
36. Penyenggaraan dan pembaikan am
37. Keselamatan pekerja
38. Peruntukan bilik mes, *dsb.*
39. Pemeriksaan perubatan
40. Daftar pekerja

### BAHAGIAN IV

#### PELBAGAI

41. Pendakwaan
42. Pengkompaunan kesalahan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Tangkak, membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

#### BAHAGIAN I PERMULAAN

##### Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Spa (Majlis Daerah Tangkak) 2021.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

##### Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“lesen” ertinya suatu lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 5;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Tangkak;

“rawatan kesihatan dan kecantikan” termasuklah mandian bunga atau susu, urutan badan, balutan atau sentalan badan menggunakan herba, terapi hidro, rawatan muka atau rawatan lain yang seumpamanya; dan

“spa” ertinya suatu premis yang menyediakan rawatan kesihatan dan kecantikan.

#### BAHAGIAN II PELESENAN

##### Permohonan lesen

3. (1) Seseorang yang berumur 18 tahun ke atas boleh memohon kepada Majlis untuk suatu lesen dengan mengemukakan suatu permohonan dalam cara yang ditentukan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

(2) Setiap permohonan di bawah perenggan (1) hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen atau maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(3) Pemohon boleh menarik balik permohonannya di bawah perenggan (1) pada bila-bila masa sebelum permohonan itu dibenarkan atau ditolak oleh Majlis.

##### Dokumen atau maklumat tambahan

4. (1) Majlis boleh, pada bila-bila masa selepas menerima permohonan untuk suatu lesen di bawah undang-undang kecil 3, menghendaki pemohon secara bertulis, untuk memberikan kepada Majlis dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu, apa-apa dokumen atau maklumat tambahan berhubung dengan permohonan itu.

(2) Jika pemohon gagal untuk memberikan dokumen atau maklumat tambahan yang dikehendaki di bawah perenggan (1), permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik.

(3) Walau apa pun perenggan (2), pemohon boleh membuat permohonan baru.

#### Pemberian atau keengganan memberikan lesen

5. (1) Majlis boleh, selepas menimbangkan permohonan untuk suatu lesen di bawah undang-undang kecil 3, memberi atau enggan memberikan lesen.

(2) Majlis hendaklah, secepat yang mungkin, memaklumkan pemohon secara bertulis tentang keputusan Majlis untuk memberikan lesen atau enggan memberikan lesen.

(3) Notis bertulis oleh Majlis di bawah perenggan (2), hendaklah menyatakan—

(a) jika lesen diberikan, hakikat mengenai pemberian itu, syarat lesen dan fi yang kena dibayar oleh pemegang lesen; dan

(b) jika pemberian suatu lesen ditolak, hakikat mengenai penolakan itu dan alasan bagi penolakan itu.

#### Fi lesen

6. Fi yang kena dibayar bagi sesuatu lesen yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

#### Tempoh sah lesen

7. Sesuatu lesen adalah sah selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

#### Bentuk lesen

8. Setiap lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis.

#### Syarat lesen

9. Majlis boleh mengenakan syarat bagi lesen termasuk perkara yang berikut—

(a) jenis rawatan kesihatan dan kecantikan yang disediakan oleh pemegang lesen;

(b) kewajipan dan obligasi pemegang lesen berkenaan dengan rawatan kesihatan dan kecantikan yang disediakan di spa; dan

(c) sekatan berkenaan dengan rawatan kesihatan dan kecantikan yang disediakan di spa.

#### Pematuhan syarat lesen

10. (1) Pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat lesen yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana syarat lesen melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan dalam suatu kesalahan yang berterusan boleh dikenakan denda selanjutnya tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

#### Penggantungan dan pembatalan lesen

11. (1) Majlis boleh menggantung atau membatalkan sesuatu lesen jika—
- (a) pemegang lesen telah melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini;
  - (b) pemegang lesen telah melanggar mana-mana syarat dan sekatan yang dikenakan ke atas lesen itu;
  - (c) pemegang lesen telah memberikan dokumen atau perisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat kepada Majlis;
  - (d) pemegang lesen telah menyediakan rawatan kesihatan dan kecantikan di spa yang boleh memudaratkan kepentingan orang awam;
  - (e) pemegang lesen tidak mengendalikan spa selama enam bulan berturut-turut atau telah memberhentikan operasi spa;
  - (f) suatu perintah penggulungan telah dibuat terhadap pemegang lesen atau suatu penggulungan sukarela telah diluluskan;
  - (g) pemegang lesen telah disabitkan atas suatu kesalahan rasuah, fraud atau pecah amanah berhubung dengan operasi spa yang dijelankannya;
  - (h) pemegang lesen telah mendapatkan lesen itu secara tidak wajar atau dengan menyalahi undang-undang;
  - (i) pemegang lesen telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini;
  - (j) seorang penerima, penerima dan pengurus, penyelesaian sementara atau pegawai yang sepertinya telah dilantik ke atas keseluruhan atau sebahagian besar daripada aset pemegang lesen dan pelantikan itu tidak dibatalkan atau diumumkan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh pelantikan, atau
  - (k) telah berlaku apa-apa perbuatan atau keingkaran pada pihak pemegang lesen atau telah wujud suatu perubahan dalam hal keadaan sehingga menyebabkan pemegang lesen itu tidak lagi berhak untuk diberikan lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini.
- (2) Sebelum Majlis membuat keputusan di bawah perenggan (1), Majlis hendaklah memberi pemegang lesen itu—
- (a) suatu notis bertulis mengenai niatnya untuk menggantung atau membatalkan lesen itu; dan
  - (b) suatu peluang untuk membuat suatu representasi dalam suatu tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu yang hendaklah tidak kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh notis tersebut.

(3) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, Majlis hendaklah, selepas mempertimbangkan representasi yang dibuat oleh pemegang lesen itu di bawah perenggan (2), jika ada, memutuskan sama ada untuk menggantung lesen itu bagi suatu tempoh tidak melebihi satu bulan atau untuk membatalkan lesen itu.

(4) Majlis hendaklah memberi pemegang lesen itu suatu notis bertulis mengenai keputusannya di bawah perenggan (3) seberapa cepat yang mungkin.

(5) Jika suatu lesen digantung di bawah perenggan (3), Majlis boleh menghendaki pemegang lesen untuk meremedikan kemungkiran atau pelanggaran itu sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk berbuat demikian.

(6) Jika Majlis berpuas hati bahawa pemegang lesen gagal untuk meremedikan kemungkiran atau pelanggaran sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan (5) atau kemungkiran atau pelanggaran itu berterusan selepas lesen itu digantung di bawah perenggan (3), Majlis hendaklah membatalkan lesen itu.

(7) Pemegang lesen yang lesennya-

(a) digantung atau dibatalkan tidak berhak kepada apa-apa pampasan bagi apa-apa kerugian yang dialaminya kerana penggantungan atau pembatalan lesen itu; dan

(b) tidak berhak kepada apa-apa bayaran balik fi lesen yang telah dibayarnya.

#### Tarikh kuat kuasa pembatalan lesen

12. Pembatalan suatu lesen di bawah undang-undang kecil 11 berkuat kuasa-

(a) pada suatu tarikh yang dinyatakan oleh Majlis dalam notis bertulis yang diberikan di bawah perenggan 11(4); atau

(b) jika tiada tarikh yang dinyatakan dalam notis bertulis yang diberikan di bawah perenggan 11(4), apabila habis tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis itu disampaikan kepada pemegang lesen.

#### Penyerahan balik lesen

13. (1) Pemegang lesen boleh menyerahkan balik lesennya dengan notis bertulis mengenai penyerahan balik lesennya.

(2) Penyerahan balik lesen itu hendaklah berkuat kuasa tiga puluh hari dari tarikh Majlis menerima lesen itu dan notis bertulis di bawah perenggan (1).

(3) Penyerahan balik lesen di bawah perenggan (1) tidak boleh dibatalkan melainkan jika Majlis, dengan notis bertulis kepada pemegang lesen itu, membenarkan penyerahan balik itu ditarik balik sebelum tarikh penyerahan balik lesen itu berkuat kuasa.



### Pembaharuan lesen

14. (1) Pemegang lesen boleh memohon untuk pembaharuan lesennya tidak lewat daripada tiga bulan sebelum tarikh tamat tempoh lesen itu.

(2) Walau apa pun perenggan (1), Majlis boleh, tertakluk kepada pembayaran suatu penalti yang tidak melebihi dua ribu ringgit, membenarkan permohonan untuk pembaharuan lesen dibuat selepas tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (1), tetapi tiada permohonan untuk pembaharuan boleh dibenarkan jika permohonan itu dibuat selepas tarikh tamat tempoh lesen itu.

(3) Majlis hendaklah, apabila dibayar fi untuk pembaharuan lesen yang ditetapkan dalam Jadual Kedua, membaharui lesen itu melainkan dalam keadaan yang berikut—

- (a) pemegang lesen tidak mematuhi mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini;
- (b) pemegang lesen tidak mematuhi mana-mana syarat lesen itu;
- (c) pemegang lesen telah mendapatkan lesen itu secara tidak wajar atau dengan menyalahi undang-undang;
- (d) pemegang lesen telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini;
- (e) seorang penerima, penerima dan pengurus, penyelesai sementara atau pegawai yang sepertinya telah dilantik ke atas keseluruhan atau sebahagian besar daripada aset pemegang lesen itu dan pelantikan itu tidak dibatalkan atau diumumkan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh pelantikan; atau
- (f) telah berlaku apa-apa perbuatan atau keingkaran pada pihak pemegang lesen atau telah wujud suatu perubahan dalam hal keadaan sehingga menyebabkan pemegang lesen itu tidak lagi berhak untuk diberikan lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(4) Majlis boleh menghendaki pemegang lesen itu untuk memberikan apa-apa dokumen atau maklumat sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi permohonan pembaharuan itu.

(5) Jika pemegang lesen gagal memberikan dokumen atau maklumat yang diminta di bawah perenggan (4) dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu atau apa-apa pelanjutan masa yang diberikan oleh Majlis, Majlis boleh enggan untuk membaharui lesen itu.

(6) Jika Majlis enggan untuk membaharui lesen, Majlis hendaklah memaklumkan pemegang lesen melalui notis bertulis seberapa cepat yang mungkin.

### Kesan pembatalan, penyerahan balik dan gagal membaharui lesen

15. Jika pembatalan lesen di bawah undang-undang kecil 11 atau penyerahan balik suatu lesen di bawah undang-undang kecil 13 telah berkuat kuasa atau jika lesen itu tidak dibaharui di bawah undang-undang kecil 14, pemegang lesen itu hendaklah dengan serta-merta berhenti mengendalikan spa itu.

**Lesen tidak boleh dipindahmilik**

16. (1) Sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dipindahmilik kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Majlis.

(2) Pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau dalam suatu kesalahan yang berterusan boleh dikenakan denda selanjutnya tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

**Daftar lesen**

17. (1) Majlis hendaklah menyenggarakan suatu daftar lesen yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini yang mengandungi—

(a) nama dan alamat pemegang lesen; dan

(b) apa-apa butiran lain yang difikirkan perlu oleh Majlis.

(2) Mana-mana orang boleh, atas permohonan secara bertulis kepada Majlis dan pembayaran fi yang ditentukan oleh Majlis, diberikan salinan atau cabutan daripada sesuatu catatan dalam daftar itu.

(3) Suatu salinan atau cabutan daripada sesuatu catatan dalam daftar itu yang diperakui oleh Majlis hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, diterima dalam keterangan sebagai bukti catatan yang dinyatakan dalam daftar itu.

**Penggantian lesen**

18. Jika suatu lesen itu hilang, cacat atau rosak, Majlis boleh mengeluarkan suatu lesen gantian apabila fi bagi penggantian lesen sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga dibayar.

**Mengendalikan spa tanpa lesen adalah dilarang**

19. (1) Tiada seorang pun boleh mengendalikan spa di dalam kawasan Majlis tanpa lesen.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan dalam suatu kesalahan yang berterusan boleh dikenakan denda selanjutnya tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

## BAHAGIAN III

## KEWAJIPAN DAN OBLIGASI PEMEGANG LESEN

## Larangan

## 20. Tiada pemegang lesen boleh—

- (a) membenarkan mana-mana orang yang diketahuinya atau disyaki dengan munasabah menghidap penyakit berjangkit atau penyakit boleh merebak untuk memasuki spa;
- (b) mengambil kerja mana-mana orang yang diketahuinya atau disyaki dengan munasabah menghidap penyakit berjangkit atau merebak untuk bekerja di dalam spa;
- (c) mempamer, mengedar, menayang, mengagih atau menjual apa-apa bahan, risalah, kertas atau lakaran licah di dalam spa;
- (d) berpakaian tidak sopan atau membenarkan mana-mana pekerjaanya berpakaian tidak sopan di dalam spa;
- (e) melakukan apa-apa perbuatan atau aktiviti tidak bermoral atau membenarkan pekerjaanya melakukan apa-apa perbuatan atau aktiviti tidak bermoral;
- (f) membenarkan mana-mana orang yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai orang itu mempunyai watak yang jahat untuk kekal di dalam spa;
- (g) membenarkan apa-apa perjudian, kemabukan, salah guna dadah atau apa-apa kelakuan tidak bermoral di dalam spa;
- (h) menyebabkan apa-apa haiwan memasuki atau berada di dalam spa melainkan jika ia digunakan bagi tujuan rawatan atau perhiasan;
- (i) menggunakan apa-apa produk kesihatan dan kecantikan yang tidak didaftarkan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 [P.U. (A) 223/1984], atau
- (j) menjalankan apa-apa rawatan kesihatan dan kecantikan yang bukan daripada jenis rawatan yang dilesenkan.

## Penyenggaraan

21. Pemegang lesen hendaklah, pada setiap masa, menjaga dan menyenggara atau menyebabkan disenggara, spa itu termasuklah apa-apa pemasangan dan lekapan, berada dalam keadaan baik dan bersih.

## Bekalan air

22. Pemegang lesen hendaklah, pada setiap masa, menyediakan bekalan air yang mencukupi dan tetap daripada bekalan air yang sah ke spa.

Tandas, bilik basuh, bilik air, *dsb.*

23. Majlis boleh menghendaki pemegang lesen—

- (a) untuk menyediakan dan menyelenggara dalam keadaan yang baik bilangan yang mencukupi bilik mandi, tandas, bilik basuh, tempat buang air kecil, sinki, besen basuh dan tempat mencuci pinggan mangkuk di spa;
- (b) untuk menyediakan pencahayaan dan peredaran udara yang mencukupi di setiap bilik mandi, tandas, bilik basuh dan tempat buang air kecil; dan
- (c) untuk memastikan bahawa tandas di spa sentiasa dibuka untuk kegunaan semasa waktu perniagaan spa itu.

#### Bilik rawatan

24. (1) Pemegang lesen hendaklah menyediakan bilik dengan keluasan lantai minimum enam meter persegi bagi maksud menjalankan rawatan kesihatan dan kecantikan.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pintu bilik yang digunakan bagi rawatan kesihatan dan kecantikan tidak dikunci sewaktu rawatan sedang dijalankan.

#### Keselamatan

25. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

- (a) termometer dipasang di sauna atau kawasan bersuhu tinggi yang lain dan suhu dipantau secara kerap; dan
- (b) pelanggan di dalam sauna atau kawasan bersuhu tinggi yang lain dipantau secara kerap.

(2) Pemegang lesen tidak boleh membenarkan mana-mana wanita hamil, orang yang berada di bawah pengaruh dadah dan orang yang menghidapi penyakit kronik untuk memasuki sauna atau kawasan bersuhu tinggi yang lain.

#### Manual rawatan

26. (1) Pemegang lesen hendaklah menyediakan suatu manual rawatan dan pada setiap masa mempamerkan manual rawatan itu di ruang sambut tetamu spa itu.

(2) Manual rawatan itu hendaklah mengandungi—

- (a) jenis rawatan kesihatan dan kecantikan yang disediakan di spa itu;
- (b) produk yang digunakan dalam rawatan kesihatan dan kecantikan itu;
- (c) kaedah rawatan kesihatan dan kecantikan; dan
- (d) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

#### Kebersihan peralatan

27. Pemegang lesen hendaklah memastikan peralatan yang digunakan bagi rawatan kesihatan dan kecantikan disteril sebelum peralatan itu digunakan.

**Tuala dan fabrik bersih**

28. Pemegang lesen hendaklah memastikan tuala muka dan fabrik yang digunakan bagi rawatan kesihatan dan kecantikan dalam keadaan bersih.

**Pencahayaan dan pengudaraan**

29. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

- (a) terdapat pencahayaan yang mencukupi di dalam spa dengan mematuhi keperluan piawaian yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang berkenaan dari semasa ke semasa; dan
- (b) terdapat pengudaraan yang mencukupi di dalam spa itu.

**Pencegahan kebakaran**

30. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

- (a) kelengkapan memadam kebakaran yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik;
- (b) semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik; dan
- (c) semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar di spa itu bebas daripada apa-apa halangan dan tiap-tiap pintu di dalamnya dibina dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan mudah.

**Bahan mudah terbakar**

31. (1) Majlis boleh menghendaki pemegang lesen untuk menyimpan apa-apa bahan atau larutan yang mudah terbakar di dalam bekas yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

(2) Jika bahan atau larutan yang mempunyai takat kilat di bawah 23 darjah celsius disimpan dalam kuantiti yang melebihi 45 liter, suatu stor yang tidak mudah terbakar hendaklah dibina mengikut kehendak Majlis dan pihak berkuasa berkaitan.

**Penyimpanan**

32. Semua bahan hendaklah disimpan mengikut cara dan keadaan yang dapat mencegah keluaran bahan berbahaya dan kesan bahaya.

**Bahan pembakaran dan sampah**

33. Majlis boleh menghendaki pemegang lesen untuk membakar atau menyebabkan dibakar apa-apa bahan pembakar atau sampah mengikut cara dan di tempat yang diluluskan oleh Majlis.

**Penyebaran habuk, dsb.**

34. Pemegang lesen tidak boleh menyebarkan atau menyebabkan penyebaran apa-apa habuk, asap, wap, haba, gas, bau, getaran atau jelaga daripada spa yang boleh menyebabkan kacau ganggu kepada orang awam atau pencemaran udara.

**Bising**

35. Pemegang lesen tidak boleh membuat atau menyebabkan bunyi bising dibuat yang menjadi kacau mengganggu kepada orang awam semasa mengendalikan spa itu.

**Penyenggaraan dan pembaikan am**

36. Pemegang lesen hendaklah memastikan--

- (a) tiap-tiap bahagian bangunan dan mana-mana peralatan elektrik yang digunakan di dalam spa diselenggara pada setiap masa supaya dalam keadaan baik dan berfungsi dengan baik; dan
- (b) halaman, bahagian hadapan dan ruang terbuka yang menjadi sebahagian daripada spa itu bersih dan bebas daripada kekotoran atau sampah sarap lain.

**Keselamatan pekerja**

37. (1) Pemegang lesen hendaklah menyediakan persekitaran yang selamat dan sihat di spa kepada pekerjaanya sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan lantai dan tangga di spa--

- (a) dalam keadaan yang baik, tidak licin dan tidak berbahaya; dan
- (b) bebas daripada apa-apa lubang pemasangan penutup, saluran air atau konduit yang tidak sempurna dan bebas daripada paku yang menonjol, injap atau paip terkeluar atau halangan yang lain.

(3) Pemegang lesen hendaklah menyediakan kotak perubatan kecemasan yang mencukupi dan hendaklah disimpan di tempat yang sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(4) Pemegang lesen hendaklah memastikan peralatan, pakaian atau apa-apa barang milik pekerja disimpan di dalam almari berkunci atau diruangan yang ditentukan oleh Majlis.

(5) Pemegang lesen hendaklah memastikan spa tidak sesak sehingga boleh menyebabkan kecederaan atau berbahaya kepada kesihatan pekerjaanya.

**Peruntukan bilik mes, dsb.**

38. (1) Majlis boleh menghendaki pemegang lesen untuk menyediakan suatu bilik solat, bilik istirahat, pantri, kantin, bilik salin pakaian dan almari berkunci atau apa-apa kemudahan lain di spa untuk pekerjaanya.

(2) Jika pekerja di spa itu terdiri daripada lelaki dan perempuan, bilik solat, bilik istirahat, bilik salin pakaian dan almari berkunci hendaklah disediakan secara berasingan oleh pemegang lesen.

**Pemeriksaan perubatan**

39. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan pekerjaanya menjalani pemeriksaan perubatan setahun sekali dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan oleh pegawai perubatan yang dilantik di bawah Akta Pengamal Perubatan 1971 [Akta 50].

- (2) Bagi maksud Undang-Undang Kecil ini--
- (a) pemeriksaan perubatan termasuklah pemeriksaan berkenaan dengan penyakit berjangkit atau merebak;
  - (b) "pegawai perubatan" ertinya seorang pegawai perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50].

#### Daftar pekerja

40. Pemegang lesen hendaklah, pada setiap masa, menyimpan dan menyenggara suatu buku daftar pekerjaanya yang mengandungi nama penuh, nombor kad pengenalan atau nombor pasport, kerakyatan, alamat tempat tinggal, nombor telefon, kelayakan, gambar dan apa-apa butiran lain yang berkaitan pekerjaanya dan hendaklah, apabila diminta oleh Majlis, mengemukakan buku daftar itu untuk pemeriksaan.

#### BAHAGIAN IV

#### PELBAGAI

#### Pendakwaan

41. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali dengan izin bertulis Pendakwa Raya.

#### Pengkompaunan kesalahan

42. (1) Majlis boleh, dengan izin secara bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Undang-Undang Kecil ini yang ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang disyaki telah melakukan kesalahan untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang boleh diberikan oleh Majlis, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh selepas itu dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu telah dibuat.

JADUAL PERTAMA  
(Undang-undang kecil 6)  
FI LESEN

Keluasan	Fi (RM)
(a) Tidak melebihi 60 meter persegi	100.00
(b) 61 hingga 100 meter persegi	200.00
(c) 101 hingga 200 meter persegi	300.00
(d) Melebihi 201 meter persegi	500.00

JADUAL KEDUA  
[Undang-undang kecil 14(3)]  
FI BAGI PEMBAHARUAN LESEN

Keluasan	Fi (RM)
(a) Tidak melebihi 60 meter persegi	100.00
(b) 61 hingga 100 meter persegi	200.00
(c) 101 hingga 200 meter persegi	300.00
(d) Melebihi 201 meter persegi	500.00

JADUAL KETIGA  
(Undang-undang kecil 18)  
FI BAGI PENGGANTIAN LESEN

	Fi (RM)
Fi bagi penggantian lesen	20.00

Diperbuat pada: 15 Julai 2019  
[MDT/UU/10/2/1(10)]  
[SUKJ.KT. 24/68/36 JLD. 2(22);  
PPUUNJ. 600-1/2/37(2)]

EZLAN FARID BIN MOHD. SAID  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Tangkak

Disahkan pada: 13 Januari 2021  
[Ringkasan Mesyuarat Bil. 70/2021]

HAJAH NOR AZLEENA BINTI ABDUL RAHMAN  
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Johor



LOCAL GOVERNMENT ACT 1976  
SPA (TANGKAK DISTRICT COUNCIL) BY-LAWS 2021

ARRANGEMENTS OF BY-LAWS

PART I

PRELIMINARY

By-Laws

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

LICENSING

3. Application for licence
4. Documents or additional information
5. Granting or refusal for granting licence
6. Licence fee
7. Duration of licence
8. Form of licence
9. Terms and conditions of licence
10. Compliance of the terms and conditions of licence
11. Suspension and revocation of licence
12. Effective date of revocation of licence
13. Surrender of licence
14. Renewal of licence
15. Effects of revocation, surrender and not renewing a licence
16. Licence not transferable
17. Licence registry
18. Replacement of licence
19. Operating spa without licence is prohibited

## PART III

## LICENCEE'S DUTIES AND OBLIGATIONS

20. Prohibitions
21. Maintenance
22. Water supply
23. Toilet, washroom, bathroom, *etc.*
24. Treatment room
25. Safety
26. Treatment manual
27. Equipment's cleanliness
28. Towels and clean fabrics
29. Lighting and ventilation
30. Fire prevention
31. Inflammable substances
32. Storage
33. Waste disposal and incineration
34. Dust dispersion, *etc.*
35. Nuisance
36. Maintenance and general repair
37. Safety of the employee
38. Provision for mess room, *etc.*
39. Medical examination
40. Employee registration

## PART IV

## MISCELLANEOUS

41. Prosecution
42. Compounding offence

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

THIRD SCHEDULE

In exercise of powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976 [Act 171], the Tangkak District Council makes and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms, the following by-laws:

#### PART I

##### PRELIMINARY

##### Citation and commencement

1. (1) These By-Laws may be cited as the Spa (Tangkak District Council) By-Laws 2021.

(2) These By-Laws shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

##### Interpretation

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“licence” means a licence issued under the by-law 5;

“Council” means Tangkak District Council;

“health and beauty treatment” includes floral or milk bath, body massage, body wraps or scrubs using herbs, hydrotherapy, facial treatments or other similar treatments; and

“spa” means premises that provide health and beauty treatments.

#### PART II

##### LICENSING

##### Application for a license

3. (1) Any person over the age of 18 may apply for a license to the Council in such form as prescribed by the Council from time to time.

(2) Every application under the paragraph (1) shall attach any documents or information as prescribed by the Council.

(3) Applicant may withdraw the application under paragraph (1) at any time before the application is granted or rejected by the Council.

##### Documents or additional information

4. (1) The Council may, at any time after granting any application of license under by-law 3, require an application in writing to give any documents or additional information regarding the application.

(2) If the applicant fails to provide necessary additional information or documents requested under paragraph (1), the application will be considered as withdrawn.

(3) Notwithstanding paragraph (2), the applicant may submit a new application.

#### Granting or refusal for granting of license

5. (1) The Council may, after considering the application for a license under by-law 3, may grant or refuse such application.

(2) The Council must, as soon as practicable, inform the applicant in writing about the decision made by the Council to grant or refuse such application.

(3) The written notice under paragraph (2) shall states—

(a) if the application is accepted, about the successful application, terms and conditions and fees regarding the license; and

(b) if the license is not accepted, about the unsuccessful application and the reason for the rejection.

#### License fee

6. The fee payable for a license under these By-Laws shall be as prescribed in the First Schedule.

#### Duration of license

7. Any license shall be valid for a period not exceeding three years.

#### Form of license

8. Every license issued under these By-Laws shall be in such form as the Council may prescribe.

#### Terms and conditions of license

9. The Council may impose conditions for a license that includes the following—

(a) type of health and beauty treatment that is provided by the licensee;

(b) licensee's obligations regarding the health and beauty treatments provided at the spa; and

(c) restrictions regarding the health and beauty treatments that is provided at the spa.

### Compliance of the terms and conditions of license

10. (1) The licensee shall comply with the conditions of license as determined by the Council.

(2) A licensee who fails to comply the terms and conditions of license commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both and in the case of continuing offence, he shall be liable to a further fine not exceeding two hundred for each day during which the offence is continued, after the conviction.

### Suspension and revocation of license

11. (1) The Council may suspend or revoke a license if-

- (a) the licensee has breached any law provision in these By-Laws;
- (b) the licensee has breached any condition or restriction that has been imposed upon the license;
- (c) the licensee has provided false documents or declarations, confusing or not correct to the Council;
- (d) the licensee has provided health and beauty treatment that potentially harms the public at the spa;
- (e) the licensee has not been operating the spa for six consecutive months or has ceased any spa operation;
- (f) a winding up order has been made against the licensee or a voluntary winding up has been approved;
- (g) the licensee has been convicted for corruption, fraudulent act, or breach of trust that is related to spa operations;
- (h) the licensee has obtained the license improperly or unlawfully;
- (i) the licensee has been convicted of an offence under these By-Laws;
- (j) a receiver, receiver and manager, provisional liquidator or similar official personnel has been appointed over the entire or most of the licensee's assets and such appointment is not revoked or annulled within a period of sixty days from the date of appointment; or
- (k) there has been any act or disobedience by the licensee or there has been a change in circumstances such that the licensee is no longer entitled to be granted a license under these By-Laws.

(2) Before the Council makes a decision under paragraph (1), the Council must provide the licensee with—

(a) a written notice regarding its intention to suspend or revoke the license; and

(b) a chance to make a representation in a period that is stated in the written notice that should not be less than thirty days from the notice itself.

(3) After the period in the notice has expired, the Council must, after considering the representation that has been made by the licensee under paragraph (2), if there was, decide whether to suspend the license for a period of not less than one month, or to revoke the license.

(4) The Council shall provide a written notice to the licensee regarding its decision as soon as practicable.

(5) If a licence is suspended under paragraph (3), the Council may require the licensee to remedy the breach or violation as he or she has deemed it necessary to do so.

(6) If the Council has agreed that the licensee has failed to remedy the breach or violation as required in paragraph (5), or the breach or violation persisted after the license has been suspended, under paragraph (3), the Council must revoke the license.

(7) A licensee whose license is—

(a) suspended or revoked shall not be entitled to any compensation for any loss suffered due to the suspension or revocation of the license; and

(b) not entitled to any refunds of the license fee that has been paid.

#### Effective date revocation of license

12. Revocation of a license under by-law 11 is effective—

(a) on a date that is stated by the Council in a written notice that is provided under paragraph 11(4), or

(b) if there is no date stated in the notice provided under paragraph 11(4), when the thirty days period from the day the notice is sent to the licensee is over.

**Surrender of license**

13. (1) The licensee may, with a written notice, surrender the license by sending it to the Council.

(2) The surrender shall take effect thirty days from the date that the Council has received the license and written notice under paragraph (1).

(3) The surrender of license under paragraph (1) cannot be revoked except with a written notice by the Council to the licensee allowing such surrender to be withdrawn before the date of surrender of license take effect.

**Renewal of license**

14. (1) A licensee may apply for renewal of the license not later than three months before the expiration of the license.

(2) Notwithstanding of paragraph (1), the Council may, subject to payment of a penalty not exceeding two thousand ringit, allow the application to renew the license be made after the period stated in paragraph (1), but no application for renewal is allowed after the license has expired.

(3) The Council may, upon the payment of fee for the renewal of license stated in the Second Schedule, renew the license except in the following circumstances:

- (a) licensee has breached any provision under these By-Laws;
- (b) licensee fails to comply with any of the condition of the license;
- (c) licensee has obtained the license improperly or unlawfully;
- (d) the licensee has been convicted for any offence under these By-Laws;
- (e) a receiver, receiver and manager, liquidator or similar official personnel has been appointed over the whole or most of the licensee's assets and such appointment is not revoked or annulled within a period of sixty days from the date of appointment; or
- (f) there has been any act or disobedience by the licensee or there has been a change in circumstances such that the licensee is no longer entitled to be granted a license under these By-Laws.

(4) The Council may require the licensee to submit any additional documents or information as deemed necessary for the renewal application.

(5) If the licensee fails to submit documents or information that is requested under paragraph (4) within the period stated in the request or within any time extension that is granted by the Council, the Council may refuse to renew the license.

(6) If the Council refuses to renew the license, the Council must inform the licensee as soon as practicable.

**Effects of revocation, surrender and not renewing a license**

15. If the revocation of license under the by-law 11 or surrender of a license under by-law 13, has taken effect or if the license is not renewed under by-law 14, the licensee must cease the spa operation immediately.

**License not transferable**

16. (1) The license granted under these By-Laws are not transferable unless by written approval of the Council.

(2) The licensee who fails to comply paragraph (1) commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both and in the case of continuing offence, he shall be liable to a further fine not exceeding two hundred ringgit for each day during which the offence is continued, after the conviction.

**License registry**

17. (1) The Council shall maintain a register of licenses granted under these By-Laws containing—

(a) name and address of licensee; and

(b) any details that is deemed necessary by the Council.

(2) Any person may, upon written application to the Council and payment of a fee determined by the Council, be granted a copy or extract from the entry in the register.

(3) A copy of or extract from an entry in the register certified by the Council shall, until proven otherwise, be admitted as a statement of proof of the entry specified in the register.

**Replacement of license**

18. If a license is lost, defaced or damaged, the Council may issue a replacement license when the license fee for a replacement as specified in the Third Schedule is paid.

**Operating spa without license is prohibited**

19. (1) No person is allowed to operate a spa within the Council areas without any license.

(2) Any person who fails to comply with paragraph (1) commits an offence and shall, upon conviction be liable to a fine of two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both and in the case of continuing, he shall be liable to a further fine not exceeding two hundred ringgit for each day during which the offence is continued, after the conviction.



PART III  
LICENSEE'S DUTIES AND OBLIGATIONS

**Prohibitions**

20. No licensee is allowed to—

- (a) authorize any person whom he or she is aware of or has a justifiable reason to suspect to be suffering from an infectious disease or any disease that can be transmitted to enter the spa;
- (b) hire anyone whom he or she is aware of or has a justifiable reason to suspect to be suffering from an infectious disease or any disease that can be transmitted to work in the spa;
- (c) exhibit, distribute, show, share or sell any material, pamphlets, papers or obscene sketches in spa;
- (d) wear revealing attires or permit any of his or her employees to wear revealing attires in the spa;
- (e) perform any act or immoral activities or allow employees to perform any act or immoral activities;
- (f) allow any person whom he or she is aware of or has a justifiable reason to believe that the person has an bad character, to remain in the spa;
- (g) allow any gambling, alcoholic intoxication, drug abuse or any immoral conduct in the spa;
- (h) cause any animal to enter or stay in the spa unless they are used for treatment or decoration;
- (i) use any health and beauty products that are not registered under the Control of Drugs and Cosmetics Regulations 1984 [P.U.(A) 223/1984]; or
- (j) carry out any health and beauty treatments apart from the ones that are licensed.

**Maintenance**

21. The licensee shall, at all times, keep and maintain the spa including any installations and fixture, in good condition and clean.

**Water supply**

22. The licensee shall, at all time, provide sufficient and fixed water supply from an authorized source to the spa.

**Toilet, washroom, bathroom, etc.**

23. The Council may require the licensee to—
- (a) provide and maintain in good condition a sufficient number of bathrooms, toilets, washing room, urinals, sinks, washbasins and dishwashing area;
  - (b) provide lighting and adequate air ventilation in each bathroom, toilet, wash room and urinals; and
  - (c) ensure that the toilets in the spa is always open for use during business hours at the spa.

**Treatment room**

24. (1) The licensee shall provide a room with minimum floor area of six square metres for the purpose health and beauty treatments.
- (2) The licensee shall ensure that the door of such room are not locked during ongoing treatment.

**Safety**

25. (1) The licensee shall ensure that—
- (a) thermometer is installed in the sauna or other areas of high temperature and the temperatures are monitored regularly; and
  - (b) customers in sauna or other high temperature areas be monitored regularly.
- (2) The licensee shall not allow any pregnant women, a person under the influence of drugs and a person suffering from chronic diseases to enter the sauna or other high temperature area.

**Treatment manual**

26. (1) The licensee shall provide a treatment manual and display the manual in the spa area at all times.
- (2) The treatment manual must include—
- (a) type of health and beauty treatments available at the spa;
  - (b) product used in health and beauty treatments;
  - (c) health and beauty treatments; and
  - (d) such other information as may be determined by the Council from time to time.

**Equipment's cleanliness**

27. The licensee shall ensure that the equipment used for health and beauty treatments are sterile before such equipment is used.

**Towels and clean fabrics**

28. The licensee shall ensure that facial towels and fabrics used for health and beauty treatments are clean.

**Lighting and ventilation**

29. The licensee shall ensure that—

- (a) there is adequate lighting in the spa as required by relevant authority from time to time; and
- (b) there is adequate ventilation in the spa.

**Fire prevention**

30. The licensee shall ensure that—

- (a) sufficient fire prevention facilities is provided, managed and functioning well;
- (b) all stairs, pathway, platform and exit way is provided, managed and functioning well; and
- (c) all stairs, platform access and exit way free from any obstruction and each door inside is built and attached in such way that is easily open.

**Inflammable substances**

31. (1) The Council may request the licensee to store any inflammable substances or substances in a proper container approved by the relevant authority.

(2) If the substances or a solution has the flash point which is less than 23 degrees centigrade to be stored in a quantity exceeding 45 liters, a non-flammable store shall be constructed according to the requirements of the Council and the relevant authority.

**Storage**

32. All materials shall be stored according to the manner and condition to avoid the discharge of dangerous material and problem caused by it.

**Waste disposal and incineration**

33. The Council may request the licensee to burn any incinerable waste or trash, in a way and place that is authorized by the Council.

**Dust dispersion, etc.**

34. The licensee shall not dispersed or caused the dispersion of any dust, smoke, heat gas, smell, vibration or soot from the spa which may cause nuisance to the public or air pollution.

**Nuisance**

35. The licensee shall not create or cause any noise as to be a nuisance to the public when operating the spa.

**Maintenance and general repair**

36. The licensee shall ensure that—

- (a) every part of the building and any electrical equipment that is used in the spa is maintained in good condition and function perfectly at all times; and
- (b) the courtyard, the front and open spaces which are part of the spa are clean and free of dirt or other debris.

**Safety of the employee**

37. (1) The licensee shall provide a safe and healthy environment in the spa to the employee in the manner prescribed by the relevant authority.

(2) The licensee shall ensure that the floors and stair at the spa—

- (a) in good condition, not slippery and not dangerous; and
- (b) free of any hole pursuant to the installation of the covers, water inlet or incomplete conduit and free from obvious nails, opened valves or pipes or any obstructions.

(3) The licensee shall provide sufficient first aid kit and must be kept in an appropriate place as prescribed by the Council.

(4) The licensee shall ensure the appliances, clothes or anything belonging of the employees to be kept in a locker or at a space prescribed by the Council.

(5) The licensee shall ensure that the spa is not over-crowded that may cause injury or dangerous to the health of the employee.

**Provision for mess room, etc.**

38. (1) The Council may request the licensee to provide facilities such as prayer room for the Muslim, rest room, pantry, canteen, changing room and lockers or any other facilities for the employee at the spa.

(2) If the employee consist of man and woman, the prayer room, rest room, changing room and lockers shall be provided separately by the licensee.

### Medical examination

39. (1) The licensee shall ensure that the employee undergo a medical examination once a year and the medical examination must be done by the medical officer appointed under the Medical Practitioner Act 1971 [Act 50].

(2) For the purpose of these By-Laws—

- (a) medical examination includes the checkups for infectious or contagious diseases;
- (b) “medical officer” means a medical officer that is registered under the Medical Practitioner Act 1971 [Act 50].

### Employee registration

40. The licensee shall keep and maintain an employee register book which contains the full name, identification card number or passport number, nationality, address, telephone number, qualification, photo and any other details regarding the employees and must be presented for inspection upon request from the Council.

## PART IV MISCELLANEOUS

### Prosecution

41. No prosecution shall be instituted for an offence under these By-Laws except with the written consent of the Public Prosecutor.

### Compounding of offences

42. (1) The Council may, with the written consent of the Public Prosecutor, compound any offence committed by any person under these By-Laws which is prescribed to be a compoundable offence by making a written offer to the person suspected of having committed the offence to compound the offence upon payment to the Council of an amount of money not exceeding fifty percent from the amount of the maximum fine for that offence within the time specified in the offer.

(2) An offer under paragraph (1) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution has been instituted, and if the amount specified in the offer is not paid within the time specified in the offer or in any extension period as may be granted by the Council, prosecution for the offence may be instituted at any time after that against the person to whom the offer was made.

(3) If an offence has been compounded under paragraph (1), no prosecution shall thereafter be instituted regarding the offence against the person to whom the compound offer was made.

## FIRST SCHEDULE

[By-law 6]

## LICENCE FEE

Area	Fee (RM)
(a) Not exceeding 60 square metres	100.00
(b) 61 to 100 square metres	200.00
(c) 101 to 200 square metres	300.00
(d) 201 square metres and above	500.00

## SECOND SCHEDULE

[By-law 14(3)]

## LICENCE RENEWAL FEE

Area	Fee (RM)
(a) Not exceeding 60 square metres	100.00
(b) 61 to 100 square metres	200.00
(c) 101 to 200 square metres	300.00
(d) 201 square metres and above	500.00

## THIRD SCHEDULE

[By-law 18]

	Fee (RM)
Licence replacement fee	20.00

Made: 15 July 2019  
 [MDT/UU/10/2/1(10)]  
 [SUKJ.KT. 24/68/36 JLD. 2(22);  
 PPUUNJ. 600-1/2/37(2)]

EZLAN FARID BIN MOHD. SAID  
*President*  
*Tangkak District Council*

Disahkan pada: 13 January 2021  
 [Ringkasan Mesyuarat Bil. 70/2021]

HAJAH NOR AZLEENA BINTI ABDUL RAHMAN  
*Clerk of the State Executive Council*  
*Johore*